

## BAB 4: ANALISIS DATA, DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 PENGENALAN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji metafora kata nama dan kata sifat yang terkandung buku cerpen *Universiti Nanyang 2006* (2006 年南洋大学微型小说选). Kesemua 23 buah cerpen dalam buku tersebut telah dijadikan sampel kajian ini.

Beberapa jenis data telah digunakan untuk mengkaji metafora kata nama dan kata sifat dalam kajian ini iaitu buku cerpen Universiti Nanyang, rekod-rekod pendapat para pengadil, dokumen-dokumen silam Persatuan Alumni Universiti Nanyang, laporan akhbar dan juga temuduga.

Penyelidik menggunakan kaedah yang diperkenalkan oleh Hawkes (1972:2) untuk mengenalpasti metafora dari cerpen-cerpen yang dikaji. Metafora yang dikenalpasti itu akan dikategorikan kepada kelas kata nama dan kelas kata sifat berdasarkan kegunaanya dalam struktur-struktur yang dikaji. Kekerapan dan peratusan metafora yang wujud dalam kata nama dan kata sifat dipersembahkan melalui graf dan dijadualkan. Pembahagian metafora kepada 3 kumpulan iaitu pengumpamaan, “synecdoche” dan metonimi dilakukan. Kesan yang dijana oleh metafora akan dikenalpasti. Kaedah kualitatif dan kuantitatif

akan digunakan untuk menganalisiskan data. Akhirnya penyelidik akan melakukan kesimpulan berdasarkan hasil analisis.

#### **4.2 TEMA DALAM CERPEN**

Karya sastera telah diberikan dua definisi, definisi yang luas dikatakan karya sastera adalah merangkumi kebudayaan dan definisi yang sempit adalah merujuk kepada pandangan kecantikan (Tong, 1992:49). Secara umumnya, karya sastera itu adalah merangkumi atau dikatakan mewakili sesuatu kebudayaan bagi seseorang. Maka bolehlah dikatakan bahawa, karya sastera merupakan hasil yang boleh membayangkan kenyataan dan kebudayaan bagi sesuatu bangsa atau komuniti (Tong, 1992:49).

Cerpen merupakan salah satu jenis genre dalam kesusasteraan. Dalam buku cerpen yang dikaji, setiap cerpen itu mempunyai tema yang jelas dan mudah difahami. Menurut kritikan yang diberikan oleh para pengadil dalam buku cerpen tersebut, mereka yang berjaya menyampaikan tema dengan sempurna melalui cerpe kepada pembaca merupakan salah satu faktor yang penting untuk memenangi peraduan penulisan cerpen ini (2006:006).

Dalam buku cerpen yang dikaji, 23 buah cerpen mempunyai tema masing-masing. Antaranya terdapat cerpen yang mempunyai lebih daripada satu tema.

Tema yang terdapat dalam cerpen boleh dibahagikan kepada tema, tema sekunder dan juga tema tertier.

Tema yang ingin disampaikan oleh cerpen adalah berkait rapat dengan gaya bahasa yang digunakan dalam penulisan. Gaya penulisan tersebut akan membentuk ton bagi cerpen itu. Tema yang timbul dalam cerpen-cerpen akan mempengaruhi metafora yang akan digunakan.

Semasa menganalisis tema-tema yang wujud dalam cerpen-cerpen, penyelidik membuat penakrifan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan serta interpretasi kebudayaan terhadap makna yang dibawa oleh sesuatu perkataan.

#### **4.2.1 Sinopsis Cerpen**

- 1) Kematian Yap Ah Loy 叶 亚 来 之 “死”

Penulis : Xie Zeng Ying 谢 增 英

Gender: Wanita

Cerpen ini menceritakan Yap Ah Loy telah kembali ke Kuala Lumpur yang moden ini. Beliau bertemu dengan seorang pelajar yang sedang menuntut di sekolah menengah. Yap Ah Loy bersempang dengan pelajar tersebut dan

didapati pelajar tersebut tidak mengenali beliau. Yap Ah Loy berasa sangat kecewa kerana jasa beliau tidak tertulis dalam buku sejarah.

### **Analisis Tema Cerpen:**

Yap Ah Loy merupakan tokoh sejarah yang terkenal di kalangan masyarakat orang Cina. Dengan meninjau kepada plot cerita yang dinyatakan, jelas kata tema bagi cerpen ini adalah penghapusan jasa bangsa Cina dalam sejarah pembangunan negara.

Cerpen ini melakarkan imej yang bertentangan antara dua watak utama iaitu Yap Ah Loy yang sudah tua dan remaja yang masih muda. Yap Ah Loy mempunyai ciri yang matang dan disanjung tinggi manakala remaja tersebut nampaknya tidak ambil berat terhadap sejarah perkembangan negara dia sendiri. Tema sekunder yang dapat diteliti adalah sikap tidak ambil berat terhadap negara di kalangan remaja.

Tema tertier tidak dapat diteliti oleh penyelidik dalam cerpen ini.

### **Kategori tema:**

Premier: mengkritik kerajaan tidak menghargai jasa baik tokoh bangsa lain  
Sekunder: mengejek sikap remaja yang tidak mengambil berat sejarah perkembangan negara sendiri.

Tertier: tiada

- 2) "Baby's Breath" Yang Abadi 永远的满天星

Penulis:Liang Guo Rong 梁国蓉

Gender: Wanita

Cerpen ini menggunakan perbualan antara seorang ibu dengan kandungan beliau. Ibu itu merupakan seorang yang kehilangan suami. Ibu masih tabah hati menjaga anak yang masih berada dalam kandungan. Perbualan antara ibu dengan anak sangat mengharukan. Akhirnya ibu yang sedang mengandung tersebut mati dalam kemalangan tanah runtuh.

#### **Analisis Tema Cerpen :**

Watak ibu dalam cerpen ini kemungkinan besar ialah seorang ibu kematian suami atau ditinggalkan oleh suami. Proses pengamatan (Mok, 2002:147) digunakan oleh penyelidik untuk menghasilkan idea tersebut. Pengamatan adalah sama maksud dengan persepsi iaitu gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran yang datang dengan automatik semasa membuat tafsiran. Tujuan penulis berbuat demikian adalah untuk menonjolkan imej yang mulia bagi seorang ibu, di mana ibu itu menghadapi konflik dalam kehidupan tetapi masih sayangkan anak dalam kandungannya. Tema yang dapat diteliti ialah kemuliaan ibu.

Cerpen ini mengakhiri dengan kematian ibu dan anak ini disebabkan tanah runtuh. Dari permulaan cerpen, penulis ceritakan hidup seorang ibu yang sangat muda, menanam bunga, membaca buku, menyanyi. Walaupun ibu itu dalam kesunyian, keletihan dan kesusahan tetapi kehidupan mereka masih penuh dengan kasih sayang. Konflik yang dihadapi dalam hidup tidak membunuh ibu dan anak itu tetapi malapetaka yang membunuh mereka. Maka tema sekunder yang dapat ditangkap ialah kemusnahan malapetaka.

Tema tertier tidak dapat dikesani.

**Kategori tema:**

Premier: memuji kemuliaan ibu

Sekunder: menyatakan malapetaka membawa kemusnahan kepada manusia

Tertier: tiada

3) Kemalangan 意外

Penulis:Deng Li Si 邓丽思

Gender: Wanita

Cerpen ini menerangkan satu cerita yang berkaitan dengan seorang lelaki yang menyaksikan satu kes kemalangan di jalan raya. Kemalangan tersebut melibatkan sebuah kereta biasa dengan kereta bank yang mengangkut wang

kertas. Wang berterbangan dan lelaki tersebut mengambil tindakan seperti orang awam yang lain iaitu mengutip kertas wang. Lelaki tersebut dapat RM7000, dan dia tidak menghulurkan bantuan kepada mangsa dalam kes kemalangan tersebut. Selepas itu, dia berasa sangat kesal kerana tamak dan mengabaikan mangsa yang meminta tolong.

### **Analisis Tema Cerpen**

Plot cerita cerpen ini menerangkan satu fenomena yang terjadi di negara kita di mana rakyat negara ini tidak sanggup saling membantu dan hanya mementingkan keuntungan diri sahaja. Melalui kejadian mengutip wang kertas dan kematian mangsa kemalangan membayangkan sikap masyarakat pada hari ini. Tema yang dapat dibaca ialah sikap dingin masyarakat terhadap golongan yang perlu tangan bantuan.

Tema sekunder menyatakan kenyataan kehidupan dan tekanan ekonomi menyebabkan seseorang itu melakukan sesuatu yang tidak rasional. Dia dalam cerpen ini masih mengambil berat terhadap mangsa dalam kemalangan itu tetapi disebabkan dia merupakan orang yang tipikal dan pentingkan wang juga dia tidak menghulurkan bantuan kepada mangsa kemalangan. Tema sekunder ialah tekanan hidup.

Tema tertier ialah menyatakan bahawa kesedaran adalah sangat penting dan jangan melakukan kesalahan atau sesuatu yang bertentangan dengan ajaran agama dan pendidikan moral. Seperti dalam cerpen, dia mimpi ngeri kerana tidak membantu mangsa kemalangan dan dia disalahkan oleh hati dia sendiri.

**Kategori tema:**

Premier: melakarkan sikap dingin masyarakat terhadap kemalangan orang lain

Sekunder: mengkritik sikap tamak manusia mendatangkan keburukan

Tertier: memupuk sifat perikemanusiaan untuk kehidupan bahagia

4) Lif 电梯

Penulis: Xu Wei Chun 许为春

Gender: Lelaki

Cerpen ini berkaitan dengan seorang lelaki yang mengalami kegagalan mencari pekerjaan untuk beberapa kali. Dia mengambil keputusan untuk memperbaiki kelemahan diri dan berusaha belajari bahasa Cina. Akhirnya dia berjaya diupah dan 40 tahun kemudian dia berjaya mendirikan syarikat sendiri.

**Analisis Tema Cerpen:**

Cerpen ini menerangkan pengalaman seorang pemuda memohon perkerjaan tetapi tidak berjaya kerana tidak mengetahui bahasa Cina. Ini kemungkinan besar membayangkan isu semasa yang wujud di negara kita di mana kerajaan tidak membenarkan syarikat orang Cina menyiarakan iklan jawatan kosong di mana pemohon mesti mengetahui bahasa Cina. Tema cerpen ini adalah kepentingan bahasa Cina.

Tema sekunder cerpen ini ialah bangsa selain bumiputra dan Melayu adalah susah menyertai pekerjaan kerajaan. Tema ini dapat dikesan dalam idea di mana penulis menyatakan bahawa orang Cina susah untuk mendapat pekerjaan kerajaan.

Tema tertier ialah berusaha boleh mencapai cita-cita. Watak dalam cerpen ini pada mulanya merupakan seorang pemuda yang tidak dapat pekerjaan dan setelah mengambil tahu keperluan pasaran dan menambah nilai bagi diri sendiri melalui pembelajaran, akhirnya menjadi pengurus bagi sebuah syarikat.

#### **Kategori tema:**

Premier: menerangkan punca pengangguran dalam negara

Sekunder: menyatakan ketabahan hati boleh mengatasi masalah

Tertier: mengatakan perjuangan yang berterusan diperlukan untuk mendapat kejayaan

5) Warna Anjing 狗 的 颜 色

Penulis: Xie Zeng Ying 谢 增 英

Gender: Wanita

Cerpen ini menceritakan seorang budak yang sangat berbakat dalam pelukisan tetapi malangnya ibunya tidak memupuk budak tersebut dengan menggunakan cara yang betul. Ini telah menyebabkan budak tersebut kehilangan minat untuk melukis.

**Analisis Tema Cerpen :**

Cerpen “warna anjing” untuk menyatakan satu konsep stereotaip dalam pendidikan seperti mendapat 10 A merupakan pelajar yang cemerlang. Dalam cerpen ini, kanak-kanak itu suka melukis dengan memilih warna yang tersendiri yang dapat menonjolkan keunikannya. Melalui pemilihan warna untuk anjing, dapat membayangkan pemikiran ibu bapa hari ini terhadap pendidikan anak mereka. Ibu bapa tidak memberikan kebebasan kepada para penuntut untuk mengembangkan bidang yang diminati. Ibu bapa memaksa anak mereka belajar kursus yang dianggap oleh mereka adalah bagus seperti ibu bagi kanak-kanak tersebut tidak membenarkan anaknya mewarnai anjing itu dengan warna-warni. Tema dalam cerpen ini adalah berkaitan dengan stereotaip dalam pendidikan.

Tema sekunder adalah pemaksaan terhadap kanak-kanak. Walaupun tema ini tidak jelas tetapi masih boleh dibaca melalui idea dalam cerpen yang disampaikan oleh penulis. Penulis menerangkan seorang kanak-kanak yang sangat suka melukis dan akhirnya menjadi benci kepada melukis. Pemaksaan berlaku kepada kanak-kanak dan akan menghancurkan kanak-kanak. Cikgu mengajar lukis yang pertama itu merupakan cikgu yang benar-benar bagi kanak-kanak tersebut, dan beliaulah orang yang menyelamatkan kanak-kanak itu dari dimusnah.

Tema tertier tidak dapat dikesani.

**Kategori tema:**

Premier: mengkritik cara pendidikan yang tidak betul akan menghapuskan kebakatan seseorang

Sekunder: menerangkan kanak-kanak dirampas peluang untuk membesar ikut kebakatan sendiri

Tertier: tiada

6) Lambat 退 到

Penulis: Chen Hong Fu 陈 宏 富

Gender: Lelaki

Cerpen ini menceritakan seorang pekerja bagi sebuah syarikat telah lambat pergi ke tempat kerja disebabkan beliau membantu seorang makcik yang

memerlukan bantuan. Bos beliau terus memecat beliau tanpa menanyakan sebabnya. Sebenarnya makcik tua yang beliau membantu merupakan ibu kepada bosnya. Apabila bos mengetahui, bos berasa sangat malu.

### **Analisis Tema Cerpen :**

Tema cerpen ini adalah merujuk kepada majikan yang tidak menghargai pekerja yang baik. Melalui plot cerita didapati bahawa, majikan tersebut adalah jahat dan tidak mengenang budi.

Tema sekunder ialah kes ragut yang semakin berleluasa. Nenek dalam cerpen ini diragut lalu cedera.

Tema tertier tidak dapat dikesani.

### **Kategori tema:**

Premier: mengkritik sikap dingin yang diamalkan di kalangan masyarakat

Sekunder:mengkritik kes peragut semakin meningkat

Tertier: tiada

7) Kehilangan 流失

Penulis: Hong Zu Qiu 洪祖秋

Gender : lelaki

Cerpen ini menceritakan mangsa kes ragut. Mangsa kes ragut merupakan seorang guru yang penuh dengan kasih sayang. Beliau menyayangi anak muridnya yang berasal dari latar belakang yang miskin. Pada suatu hari, beliau pergi beli sarapan untuk murid tersebut tetapi malangnya menimpa peragut. Peragut menolak cikgu tersebut ke dalam longkang, semua ini disaksi oleh anak murid tersebut dan murid tersebut dapat mengecam bahawa peragut itu merupakan bapanya.

#### **Analisis Tema Cerpen:**

Tema primer bagi cerpen ini sangat jelas menyatakan kerosakan dan kemusnahan yang dibawa oleh kes ragut. Ini menunjukkan keadaan di negara kita semakin tidak selamat. Kes ragut dalam cerpen ini dilakukan oleh seorang ayah bagi anak murid cikgu tersebut. Ini merupakan satu cara penulisan yang ironi.

Tema sekunder bagi cerpen ini memujikan kemuliaan bagi seorang guru terhadap anak muridnya. Cikgu tersebut sangat simpati terhadap anak muridnya yang sanggup mencuri demi sekeping roti canai. Cikgu yang baik hati itu cuba memenuhi kemahuan anak muridnya dan pergi beli roti canai baginya. Mana

tahu, dalam perjalanan itu, Cikgu pula yang diragut dan akhirnya dihentam mati oleh peragut dengan kayu.

Tema tertier dalam cerpen ini tidak dapat dikesani.

**Kategori tema:**

Premier: mengkritik kes ragut semakin meningkat

Sekunder: memuji kemuliaan guru

Tertier: tiada

8)        Latar Belakang Yang Misteri 神秘 的 身世之迷

Penulis: Xu Xiao Ping 徐 晓 萍

Gender : Wanita

Cerpen ini berkaitan dengan kes kecuaian yang berlaku di hospital dalam negara Malaysia di mana 2 bayi dari 2 keluarga yang berbangsa berbeza telah tertukar. Selepas berpuluhan-puluhan tahun kemudian baru kenyataan didedahkan.

**Analisis Tema Cerpen**

Cerpen ini menceritakan satu kisah benar yang berlaku di Malaysia. Tema primer bagi cerpen ini adalah menonjolkan kemuliaan cinta ibu bapa kepada anak-anak mereka tanpa mengira sama ada mereka ialah anak kandungan atau

tidak. Dalam cerpen ini, walaupun keluarga India tersebut mengetahui bahawa anak perempuan mereka bukan anak kandungan mereka tetapi mereka tetap sayang dia seperti dulu.

Tema sekunder dalam cerpen ini ialah mengkritik kualiti hospital kerajaan. Kelalaian seperti ini bukan perkara yang biasa. Dalam negara kita, pihak hospital selalu mendapat aduan mengenai kakitangan hospital tidak cukup professional. Sifat dan amalan kurang mengambil berat di hospital bagi kakitangan hospital kerajaan selalu hangat dibincang dalam negara kita.

Tema tertier yang ketiga ialah menonjolkan masyarakat majmuk dalam negara kita. Walaupun kedua-dua keluarga tersebut akhirnya mendapat anak perempuan kandungan mereka, tetapi kedua-dua keluarga ini masih mencintai anak perempuan yang tersilap ambil itu. Kedua-dua keluarga menjadi kawan karib selepas kejadian ini. Kedua-dua anak perempuan tersebut mempunyai dua ibu dan bapa dan kedua-dua pasang ibu dan bapa tersebut mempunyai dua anak perempuan. Walaupun bangsa, agama dan cara hidup berbeza tetapi percintaan mereka adalah sama.

#### **Kategori tema:**

Premier: memuji kemuliaan ibu bapa

Sekunder: mengkritik sikap buruk kaki tangan hospital kerajaan

Tertier: menunjukkan negara merupakan masyarakat majmuk

9) Pak Long 大叔公

Penulis:Lin Jian Rong 林 建 荣

Gender:Lelaki

Cerpen ini berkaitan dengan cerita yang berlaku pada zaman anti komunis. Seorang yang digelarkan sebagai Pak Long telah dipilih sebagai penghulu untuk mengesan komunis. Beliau melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik sekali. Selepas beliau meninggal dunia, didapati Pak Long mempunyai banyak bahan yang berkaitan dengan ajaran komunis.

#### **Analisis Tema Cerpen:**

Tema bagi cerpen ini adalah melakarkan keadaan masyarakat semasa tempoh anti komunis. Dalam cerpen ini, seorang ahli dari sebuah kampung dipilih sebagai penghulu dengan tujuan menyekat penerapan ahli komunis. Sesiapa yang didapati menyimpan buku komunis akan dihukum. Semua ahli kampung hidup dengan tidak tenteram. Pak Long yang bijak sana telah mengetuai pertumbuhan bagi kampung dan kampung tersebut berjaya diselamatkan.

Tema sekunder dan tema tertier tidak dapat dikesani.

**Kategori tema:**

Premier: melakarkan keadaan kehidupan semasa anti komunis

Sekunder: tiada

Tertier: tiada

10) Kelembutan “Count Down” 倒 数 的 温 柔

Penulis: Yu Yu Ting 余 玉 婷

Gender : Wanita

Cerpen ini berkaitan dengan seorang ibu tunggal yang hidup bersama seorang anak perempuan. Anak perempuan yang sedang membesar itu tidak lagi manja dan rapat seperti dahulu dengan dia. Ibu tersebut mendapat kanser dan mungkin akan meninggal dunia selepas 3 bulan. Anak perempuan sedaya-upaya memberi sokongan moral kepada ibunya.

**Analisis Tema Cerpen**

Cerpen ini menyentuh tema kemuliaan ibu di mana kasih sayang terhadap ibu tidak berubah walaupun anak perempuannya tidak menghargainya. Jurang generasi yang wujud antara ibu bapa dengan anak mereka adalah satu kenyataan yang mencerminkan hubungan ibu bapa dengan anak pada hari ini.

Tema sekunder yang terdapat dalam cerpen adalah mengenai sikap generasi muda pada hari ini. Mereka sompong dan tidak sanggup mengambil masa untuk mencapai cita-cita.

Tema tertier yang dibayangkan ialah penyakit kanser telah menjadi sesuatu yang sangat umum di masyarakat. Kita perlu menghargaji satu sama lain bermula sekarang.

**Kategori tema:**

Premier: memuji kemuliaan ibu bapa

Sekunder: melakarkan sikap remaja hari ini

Tertier:menerangkan penyakit kanser semakin banyak

11)        Mencari Orang Gila 寻 找 疯 子

Penulis:Wang Zhen Ping 王 振 平

Gender:Lelaki

Cerpen ini menceritakan seorang yang tidak siuman selalu mengganggu penduduk-penduduk di sesuatu kampung. Orang gila tersebut selalu berkata dan menjerit ingin mencari orang gila dalam kampung. Akhirnya orang gila tersebut ditembak mati oleh pihak polis.

**Analisis Tema Cerpen:**

Tema cerpen ini adalah berkaitan dengan orang gila yang mencari orang gila. Orang gila yang bernama Darban tidak mengetahui bahawa dirinya merupakan orang gila dalam pandangan orang lain. Tema primer bagi cerpen ini adalah menyatakan masalah sosial di mana orang yang bermasalah menganggap orang lain pula yang bermasalah. Ini telah menjadi satu penyakit umum dalam masyarakat dan sosial di negara kita.

Tema cerpen yang sekunder ialah berkaitan dengan sikap masyarakat terhadap orang yang tidak siuman. Darban dalam cerpen ini tidak pernah diberitahu bahawa dirinya yang merupakan orang gila itu, akibatnya dia mati ditembak. Tema sekunder yang dapat dikesan ialah masyarakat tidak cuba membantu golongan yang memerlukan bantuan. Cara untuk menyelesaikan golongan yang lemah ialah menghapuskan dia.

Tema tertier dalam cerpen tidak dapat dikesani orang penyelidik.

**Kategori tema:**

Premier: menerangkan masalah sosial dan masyarakat

Sekunder: mengkritik sikap dingin antara manusia

Tertier:tiada

12) Henti Siaran 停 播

Penulis : Zheng Shi Zhong 郑 世 忠

Gender : Lelaki

Cerpen ini berkaitan dengan salah satu acara di dalam radio negara Malaysia telah diarahkan berhenti siarannya kerana telah dikatakan bercanggah dengan prinsip perundangan negara Malaysia. Penulis mengejek ahli politik melalui isu ini.

#### **Analisis Tema Cerpen:**

Tema primer cerpen ini ialah kerajaan menyekat kebebasan rakyat mengeluarkan pandangan ikhlas. Orang ramai yang menelefon mengeluarkan pendapat sendiri, akhirnya siaran tersebut diberhentikan kerana Datuk bandaraya berkata orang yang mengeluarkan pendapat kurang ajar dan akan menjelaskan imej. Tema sekunder yang dapat dikesan ialah mengejek kepalsuan politik dan hakikat dalam kehidupan telah dihiasi oleh kerajaan. Melalui pertuturan Datuk, timbalan dan jemaah timbalan bandaraya serta menteri-menteri dapat mengetahui hakikat ini.

Tema tertier ialah mengkritik cara pentadbiran kerajaan yang ketinggalan zaman. Kerajaan tidak sanggup bersedia menerima krtikan dari rakyat sebaliknya menyekat kebabasan rakyat bersuara.

**Kategori tema:**

Premier: mengkritik kerajaan menyekat kebebasan rakyat bersuara

Sekunder: mengejek kepalsuan politik

Tertier: mengejek cara pentadbiran pihak kerajaan yang ketinggalan zaman.

## 13) Kesan Cap 刻 印

Penulis: Chen Fu Xiong 陈 富 雄

Gender : lelaki

Cerpen ini berkaitan dengan seorang ibu yang telah banyak berjasa untuk keluarganya. Anak yang sibuk dengan pekerjaan menemani ibunya pergi ke Jabatan Pendaftaran untuk menukar “MyKad”. Dalam prosedur untuk mengecopkan ibu jari didapati ibunya kehilangan cap jari. Ini adalah disebabkan penggunaan sabun dalam masa jangka panjang. Anaknya berasa sangat bersalah kerana telah mengabaikan pengorbanan ibunya sepanjang berpuluhan puluh tahun ini.

**Analisis Tema Cerpen:**

Tema primer cerpen ini ialah memuji kemuliaan ibu. Ibu bekerja keras demi kebahagian anak, tetapi anak tidak mengenang budi, tidak mahu makan makanan yang disediakan, tidak menjaga keperluan ibu sehingga dia terkejut

melihat ibu jari emaknya kehilangan kesan cap. Tema sekunder cerpen ini ialah mengkritik sikap anak yang kurang mengambil berat terhadap ibu. Ibu meminta banyak kali supaya anaknya menghantar dia pergi menukar mykad tetapi anaknya selalu dalam kesibukan. Tema tertier ialah kesunyian yang dihadapi oleh seorang ibu. Ibu susah payah membesar anaknya tetapi anak tidak membalas budi. Tema yang ketiga ini ialah menyuruh sebagai anak perlu taat dan ambil berat terhadap ibu bapa.

**Kategori tema:**

Premier: memuji kemuliaan ibu

Sekunder: melakarkan hubungan anak dengan ibu kurang erat

Tertier: menyatakan anak perlu ambil berat terhadap ibu

14)       Mimpi Ibu 母亲的梦

Penulis : Chen Li Si 陈丽思

Gender : Perempuan

Cerpen ini berkaitan dengan seorang ibu yang meninggalkan anak dia untuk menyempurnakan impianinya. Anak-anak beliau tidak memahami impian ibu betapa penting bagi beliau. Mereka telah membenci ibu selama ini. Sehingga ibunya meninggal dunia barulah anak-anaknya menyedar ibunya sebenarnya merupakan seorang yang sangat berani untuk menyempurnakan impian dirinya.

### **Analisia tema cerpen:**

Tema primer cerpen ini ialah menyanjung pengorbanan seorang ibu dan sehingga pada akhir hayatnya, beliau sanggup meninggalkan anaknya untuk mengejarkan cita-cita padanya. Imej seorang ibu yang berani serta teguh untuk merealisasikan impiannya telah dilakarkan dalam cerpen ini. Walaupun harga yang dibayar untuk menyempurnakan impian dirinya itu adalah sangat mahal. Ibu telah menyebabkan anaknya marah terhadap dia kerana terpaksa meninggalkan anaknya dan pergi ke luar negara.

Tema sekunder dalam cerpen ini adalah berkaitan dengan kehidupan bagi anak kehilangan ibu atau bapa adalah tidak sempurna. Dalam cerpen ini, anak lelaki bagi ibu tersebut telah membenci ibunya selama 30 tahun.

Tema tertier dalam cerpen ini tidak dapat dikesani.

### **Kategori tema:**

Premier: menerangkan pengorbanan ibu

Sekunder: melakarkan kehidupan bagi anak kehilangan ibu atau bapa

Tertier: tiada

15)        Sama Akar 同 根

Penulis: liu yu ling 刘 玉 玲

Gender : wanita

Cerpen ini berkaitan dengan isu yang ditimbulkan di Pengajian Tionghoa sebuah universiti. Terdapat 4 subjek yang diajar dalam universiti bagi kursus tersebut dengan menggunakan bahasa Malaysia. Ramai orang memandang rendah terhadap graduan dari pengajian tersebut. Penulis telah melakarkan keadaan temubual beliau.

### **Analisis Tema Cerpen:**

Cerpen ini menceritakan isu pengajian Tionghoa di salah satu universiti di negara ini yang mengajar empat subjek dalam bahasa Malaysia. Sebenarnya masyarakat tidak mengenali jabatan ini dan ada salah faham terhadapnya. Tema primer cerpen ini adalah berkaitan dengan isu bahasa ibunda.

Tema sekunder adalah berkaitan dengan sikap sompong bagi sesetengah orang. Segelintir orang itu menganggap dia yang paling bagus dan memandang rendah terhadap orang lain. Ini merupakan sikap yang sangat biasa terdapat di masyarakat.

Tema tertier cerpen ini ialah mengenang budi dan menyuruh orang jangan lupa akar diri.

### **Kategori tema:**

Premier: menyedarkan kepentingan bahasa ibunda

Sekunder: mengkritik sikap sombong

Tertier: mengkritik orang yang tidak mengenang budi

16) Pencarian 寻覓

Penulis: Xia Hui Fang 夏 惠 芳

Gender : Wanita

Cerpen ini berkaitan dengan seorang anak perempuan dengan ibunya. Ibunya sedang menunggu-nunggu kepulangan suaminya selama ini. Anak perempuannya tidak memahami perasaan ibunya. Ini menyebabkan anak perempuannya mempunyai fobia dalam percintaan. Dia takut dia akan mengulang yang dialami oleh ibunya. Apabila anak perempuan itu terjumpa dengan seorang lelaki dia berusaha untuk mengelakkan diri daripada lelaki tersebut akhirnya juga menerima kerana lelaki tersebut telah menunjukkan keikhlasannya.

**Analisis Tema Cerpen:**

Tema cerpen ini adalah berkaitan dengan cinta. Penulis percaya kepada cinta sudi dalam dunia ini. Melalui pertemuan antara watak utama dan seorang lelaki melakarkan cinta mereka yang utuh walaupun diserang oleh penyakit.

Tema sekunder dan tema tertier tidak dapat dikesani.

**Kategori tema:**

Premier: menerangkan cinta itu mulia

Sekunder: tiada

Tertier: tiada

## 17) Zodiak 生肖

Penulis: Huang Huai Le

Gender: Wanita

Cerpen ini mengkritik pemikiran kolot di kalangan masyarakat orang Cina di mana mereka percaya kepada zodiak. Anak yang dilahirkan tidak sepadan dengan zodiak bapa maka bapa itu melayannya dengan buruk sekali tetapi tidak sangka anak yang dikatakan akan membawa maut kepada bapa itu pula yang paling sayang serta taat kepada bapanya.

**Analisis Tema Cerpen:**

Tema ini mengkritik mereka yang terlalu percaya kepada zodiak. Tema sekunder melakarkan cinta kanak-kanak terhadap ahli keluarga. Anak kedua itu walaupun tidak disukai oleh bapanya tetapi dia masih mencintai ahli keluarganya dengan hati yang suci. Tema tertier tidak dapat dikesani.

**Kategori tema:**

Premier: mengkritik sikap mengamalkan kepercayaan tahuul di kalangan orang Cina

Sekunder: memuji kasih sayang di kalangan kanak-kanak

Tertier: tiada

18)      **Selekoh 转 角**

Penulis : Hu Yao Yi 胡 耀 仪

Gender: Wanita

Cerpen ini menceritakan 2 mangsa dalam 2 kes ragut yang berlainan. Seorang mangsa merupakan penuntut Kolej Tunku Abdul Rahman yang mendapat keputusan cemerlang dalam SPM. Mangsa kedua ialah seorang bakal pengantin. Kedua-dua mangsa ini mempunyai masa hadapan yang cerah tetapi telah dihancurkan oleh peragut.

#### **Analisis Tema Cerpen:**

Tema cerpen adalah mengkritik kekejaman peragut. Tema sekunder adalah melakarkan cinta seseorang ibu terhadap anaknya. Tema tertier mengkritik ketidakupayaan pihak polis untuk menjaga keselamatan dalam negara.

#### **Kategori tema:**

Premier: mengkritik kes ragut semakin meningkat

Sekunder:mengkritik keselamatan negara semakin teruk

Tertier: menggalakkan pemupukan semangat tolong-menolong.

19) Musim luruh yang berada dalam musim bunga 春天里的秋天

Penulis: Zhang Dai Wen 张代文

Gender : Lelaki

Cerpen ini menceritakan seorang bapa yang berumur 50 tahun telah dipecat oleh syarikat. Dia berasa sangat kecewa dan tidak berani untuk memberitahu isterinya. Dia merancang untuk membunuh diri. Nasib baik isterinya datang berjumpa dengan dia dan menyatakan bahawa sanggup bersama mengatasi kesulitan ini.

### **Analisis Tema Cerpen:**

Tema primer cerpen ini ialah memuliakan cinta di antara manusia. Tema sekunder dalam cerpen ini adalah tekanan kehidupan adalah semakin tinggi dan membunuh diri telah menjadi satu trend untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan.

Tema tertier ialah kesusuanan dan cabaran kehidupan boleh dihadapi dan diselesaikan dengan wujudnya sokongan moral orang tercinta.

**Kategori tema:**

Premier: memuji kemuliaan cinta

Sekunder: melakarkan tekanan kehidupan

Tertier: menyampaikan idea berat sama dipikul ringan sama dijinjing

20) "Ferris Wheel "Yang Sedih 悲伤的摩天轮

Penulis: Zhou Jin Cong 周锦聪

Gender: Lelaki

Cerpen ini berkaitan dengan seorang budak yang ditinggalkan oleh bapanya sejak dari kecil lagi. Dia sangat rindu pada bapanya tetapi bapa tidak pernah datang menjenguk dia. Akhirnya mak dia membawa dia untuk menerima rawatan doktor.

**Analisis Tema Cerpen:**

Tema primer cerpen ini ialah pengaruh keluarga yang tidak sempurna terhadap seorang budak. Tema sekunder ialah cinta seorang budak terhadap bapanya dan tema tertier tidak dapat dikesani.

**Kategori tema:**

Premier: menyatakan kesulitan keluarga tunggal

Sekunder: menyatakan cinta seorang budak terhadap bapanya

Tertier: tiada

21) Perjalanan Yang Terakhir 最后一程

Penulis: He Jun Yi 何俊毅

Gender: Lelaki

Cerpen ini menerangkan kes ragut. Mangsa kes ragut ini merupakan seorang pelajar dan kematian beliau membawa kesengsaraan kepada ibu bapanya.

**Analisis Tema Cerpen:**

Tema primer cerpen adalah mengkritik kekejaman peragut. Tema sekunder adalah melakarkan cinta seorang ibu terhadap anaknya. Tema tertier mengkritik ketidakupayaan pihak polis untuk menjaga keselamatan dalam negara.

**Kategori tema:**

Premier: mengkritik kes ragut semakin meningkat

Sekunder: memuji kemuliaan ibu

Tertier: mengkritik keselamatan negara semakin merosot

22) Tangan Patah 断手

Penulis: Lin Zhen yao 林 振 耀

Gender : Lelaki

Cerpen ini berkaitan dengan seorang pekerja yang telah patah tangan kerana kemalangan semasa bekerja. Prosedur untuk mendapat pampasan sangat melecehkan di mana memerlukan tandatangan orang yang dikatakan mempunyai status masyarakat yang tinggi. Mangsa dalam kes ini tidak dapat tandatangan dan selepas dia terjatuh sekali lagi dari tangga, dia menyuruh ahli keluarga hantar dia pergi ke tempat untuk dapat tandatangan dan bukan pergi hospital.

#### **Analisis Tema Cerpen:**

Tema primer cerpen ini ialah mengejek prosedur pihak kerajaan yang leceh. Tema sekunder ialah menceritakan kesusahan golongan miskin. Dan tema tertier ialah melakarkan golongan atasan yang takut untuk memikul tanggungjawab.

#### **Kategori tema:**

Premier: mengkritik prosedur kerajaan yang kurang efisien

Sekunder:menyatakan kesusahan golongan bawahan

Tertier: mengkritik sikap sambil lewa golongan atasan

23) Pergi Kuliah 上课

Penulis: Chen Jun Yu 陈 钧 钰

Gender Lelaki

Cerpen ini mengkritik pihak kerajaan memaksa cikgu pergi mengikuti kursus dan menyebabkan anak murid tidak dapat mengikuti jadual pembelajaran yang sepatutnya. Cerpen ini mengkritik sikap kerajaan yang sentiasa melaksanakan program yang membazirkan wang serta tidak membawa sebarang faedah.

#### **Analisis Tema Cerpen:**

Tema primer mengkritik kerajaan melaksanakan projek yang tidak membawa faedah. Tema sekunder ialah memuliakan cikgu yang betul-betul ambil berat terhadap pelajar. Tema tertier ialah mengejek kerajaan tidak melakukan perkara dengan efisien dan efektif malahan mengganggu proses pengajaran guru yang sebenar.

#### **Kategori tema:**

Premier: mengkritik ketidakcekapan pihak kerajaan

Sekunder:mengejek sikap guru yang tidak bertanggungjawab

Tertier: menyatakan masalah pendidikan

#### **4.3 MENGENALPASTI JUMLAH METAFORA MENGIKUT CERPEN.**

Untuk mengenalpasti jumlah metafora yang terdapat dalam buku cerpen Universiti Nanyang yang dikaji, penyelidik telah merujuk kepada teori yang dikemukakan oleh Hawkes(1972:2) untuk mengesan metafora dalam 23 buah cerpen yang dikaji.

Penyelidik mengesan metafora dengan mengfokus kepada ayat yang mempunyai perkataan seperti : “seperti”, “ialah” “seumpama”, “iaitu”, “seolah-olah” dan sebagainya. Ada juga metafora terpendam dalam ayat, seperti metafora yang digunakan secara langsung dalam ayat tanpa kewujudan perkataan “seperti”, “ialah”, “iaitu”, “seumpama”, ”seolah-olah” dan sebalanya.

#### **4.4 METAFORA YANG TERDAPAT DALAM KELAS KATA NAMA DAN KELAS KATA SIFAT**

Metafora yang dikenalpasti itu dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan kelas kata nama, kelas kata sifat dan kumpulan kelas kata yang lain. Kumpulan kelas kata yang lain termasuk kata kerja, kata pembantu dan kelas kata yang selain kata nama dan kata sifat.

**Jadual 4.1: Metafora yang terdapat dalam kelas kata nama dan kelas kata sifat**

	Tajuk Cerpen	Kata Nama	Kata Sifat	Kata Lain	Jumlah
1	叶亚来之“死” Kematian Yap Ah Loy	6	1	1	8
2	永远的满天星 “Baby’s Breath” Yang Abadi	5	1	0	6
3	意外 Kemalangan	3	0	2	5
4	电梯 Lif	3	3	4	10
5	狗的颜色 Warna Anjing	4	2	1	7
6	迟到 Lambat	0	0	1	1
7	流失 Kehilangan	7	3	2	12
8	神秘的身世之迷 Latar Belakang Yang Misteri	0	0	0	0
9	大叔公 Pak Long	3	1	2	6
10	倒数的温柔 Kelembutan “Count Down”	3	3	1	7
11	寻找疯子 Mencari Orang Gila	1	0	0	1

12	停 播 Henti Siaran	3	0	0	3
13	刻 印 Kesan Cap	3	2	0	5
14	母 亲 的 梦 Minpi Ibu	1	1	0	2
15	同 根 Sama Akar	7	1	1	9
16	寻 觅 Pencarian	1	1	0	2
17	生 肖 Zodiak	1	0	0	1
18	转 角 Selekoh	1	0	0	1
19	春 天 里 的 秋 天 Musim luruh yang berada dalam musim bunga	3	3	0	6
20	悲 伤 的 摩 天 轮 Ferris Wheel Yang Sedih	4	2	1	7
21	最 后 一 程 Perjalanan Yang Terakhir	0	0	0	0
22	断 手 Patah Tangan	0	0	0	0
23	上 课 Pergi Kuliah	0	0	0	0
	Jumlah	59	24	16	99

Jumlah metafora paling banyak terdiri daripada kelas kata nama iaitu sebanyak 59 metafora atau 59.59% daripada jumlah metafora.

Metafora yang terdapat dalam kelas kata sifat agak banyak juga iaitu jumlahnya sebanyak 24 metafora atau 24.24% daripada jumlah 99 metafora yang ditemui.

Metafora yang terdiri daripada kelas kata lain seperti kata kerja dan kata penentu adalah sebanyak 16 sahaja atau 16.16% daripada jumlah 99 metafora yang dapat dicari dari buku yang dikaji.

Adalah munasabah dikatakan bahawa dalam penulisan cerpen yang terkandung dalam buku cerpen Universiti Nanyang 2006, cerpenis lebih cenderung untuk menggunakan metafora dari kelas kata nama dan juga kelas kata sifat. Ini berkemungkinan besar adalah disebabkan bahawa penggunaan metafora dalam kelas kata nama dan kelas kata sifat adalah paling biasa dalam penulisan cerpen dan adalah lebih senang untuk menyampaikan makna melalui metafora dari kedua-dua kelas kata tersebut.

## 4.5 PEMBAHAGIAN METAFORA KEPADA 3 KUMPULAN

Metafora yang dikaji itu boleh dikelaskan kepada kumpulan yang berlainan. Hawkes (1972:2) telah membahagikan metafora kepada 3 kumpulan iaitu pengumpamaan, “synecdoche” dan metonimi.

### 4.5.1 PENGUMPAMAAN 比 喻

Pengumpamaan ialah memberi contoh dengan menggunakan persamaan yang wujud di antara dua objek untuk membuat penerangan. Titik fokusnya adalah pada sifat atau nilai yang sama yang wujud pada kedua-dua objek yang ingin diterangkan. Kata laluan yang wujud dalam ayat ialah “seperti”, “sama”, “macam” dan perkataan lain yang membawa makna “seperti”. Contohnya: Masa sembahyang adalah senyap seperti biarawati (Hawkes, 1972:2).

- 1) Seperti telah menuju ke dalam terowong sejarah 仿佛 进入了 历史 的 隧 道  
(Cerpen “Kematian Yap Ah Loy” 叶 亚 来 之 “死”)

Makna denotasi: seperti melangkah ke dalam lorongan yang bersejarah

Makna metafora: seperti memasuki tempat yang penuh dengan kenangan dan detik-detik sejarah

Penerangan:

Yap Ah Loy sedang mengenang balik peristiwa yang pernah berlaku semasa beliau bersusah payah mengembangkan Kuala Lumpur. Beliau merupakan pengilang bagi bijih timah dan pernah melibatkan diri dalam perperangan Tengku Kudin. Semasa mengenang peristiwa-peristiwa silam seperti

beliau memasuki tempat atau kawasan yang penuh dengan kenangan dan detik-detik sejarah.

2) Berkecamuk seperti hatinya 像他的心一样乱

( Cerpen “Kemalangan” 意外 )

Makna denotasi: struktur hati yang tidak tersusun.

Makna metafora: merujuk kepada hati yang tidak tenteram.

Penerangan:

Semasa “dia” melihat banyak kertas wang berterbangan di depannya, keadaan itu berselerak. Penulis bertulis “berselerak seperti hati dia”. Makna metafora yang dibawa adalah menerangkan perasaan yang tidak tenteram.

3) Seperti terdengar suara gering dari deringan telefon 仿佛从电话铃声

中听见那微弱的，却非常痛苦的呻吟，久久，不去

( Cerpen “Kemalangan” 意外 )

Makna denotasi: suara yang dikeluarkan kerana kesakitan dari deringan telefon.

Makna metafora: suara menyalahkan “dia” dari mangsa yang telah meninggal dunia kerana tidak menghulurkan bantuan. Makna metafora merujuk kepada “dia” berasa sangat terkilan kerana tamakkan wang dan tidak memberi bantuan kepada mangsa kemalangan tersebut.

Penerangan:

“Dia” telah menggunakan wang yang dikutip di tempat kemalangan tersebut untuk membeli barang seperti telefon bimbit, laptop, digital kamera

dan sebagainya. Setiap kali telefon bimbit itu berdering, "dia"berasa bunyi deringan itu seperti suara gering dari mangsa kemalangan tersebut. Ini menunjukkan bahawa "dia" berasa tidak tenteram dan bersalah.

- 4) Umpama mengucapkan selamat tinggal kepada emosinya yang sugul itu 仿佛是在为他逐渐低沉的心情倒数  
( Cerpen "Lif" 电 梯 )

Makna denotasi: seperti sedang mengira balik bagi emosi yang semakin teruk.

Makna metafora: penulis menggambarkan penurunan lif itu seperti emosi dia yang semakin tenggelam dan tidak puas hati. Masa depan watak utama dalam cerpen juga seperti lif , lif semakin menurun dan masa depannya semakin tidak memuaskan.

Penerangan:

Penulis cerpen ini menceritakan seorang lelaki yang berada dalam lif. Emosi dia sangat teruk kerana temuduga untuk mendapat kerja tidak berjaya. Ini menyebabkan perasaannya hampir tidak terkawal. Lif yang semakin menurun itu bagai sedang count down untuk emosi yang semakin teruk bagi dia.

- 5) Sama seperti pencuri 像 小 偷 一 样

( Cerpen "Lif" 电 梯 )

Makna denotasi: sama seperti orang yang mencuri.

Makna metafora: sama seperti pencuri yang menceroboh kehidupannya.

Penerangan:

Watak dalam cerpen ini tidak dapat pekerjaan kerana dia tidak mengetahui bahasa Cina. Dia berasa geram kerana dia tidak pernah sangka bahasa Cina boleh menjadi satu perkara yang penting semasa dia pergi temuduga untuk pekerjaan. Bahasa Cina bagaikan pencuri yang telah mencerobohi kehidupannya.

- 6) Seolah-olah dia telah memilih satu jalan keluar ketika berada di kawasan terpinggir 像是他在苍茫荒野里选定了一条出路  
(Cerpen "Lif" 电梯)

Penerangan:

Kawasan pedalaman bermakna di keadaan yang konflik, memilih satu jalan untuk keluar bermakna telah membuat satu keputusan. Keputusan yang dilakukan oleh watak dalam cerpen ialah mengambil masa satu tahun untuk belajar bahasa Cina dan selepas itu datang balik untuk temuduga dan akhirnya watak utama itu berjaya dalam kejayaannya.

- 7) Teramat gembira seolah-olah mendapati bahawa pasar raya sedang mengadakan jualan murah 好像在百货公司看到大减价商品那么高兴  
(Cerpen "Warna Anjing" 狗的颜色)

Makna denotasi: perasaan gembira sama seperti apabila melihat pasaraya membuat jualan murah.

Makna metafora: gembira seperti mendapati sesuatu yang hebat dan baik baginya.

Penerangan:

Apabila ibu bagi budak dalam cerpen ini mendapati anaknya pandai melukis dia gembira seperti didapati pasaraya sedang mengadakan jualan murah. Perasaan ibu tersebut adalah sangat gembira. Ini merupakan satu kebanggaan bagi ibu tersebut terhadap anaknya.

8) Sama seperti dunia kartun 就像卡通世界一样

( Cerpen "Warna Anjing" 狗 的 颜 色 )

Makna denotasi: nampaknya seperti dunia dalam cerita kartun

Makna metafora: sama seperti dunia yang penuh dengan imaginasi dan daya kreativiti.

Penerangan:

Apabila budak dalam cerpen ini dihantar ke pusat melukis, cikgu yang mengajar lukisan itu menggalakkan budak itu melukis ikut hati sendiri. Pusat pelukisan tersebut cantik seperti dunia kartun, budak itu sangat suka akan pusat tersebut.

9) Berlari seperti siput babi di atas jalan raya 在 路 上 蜗 牛 似 的 跑 着

( Cerpen "Lambat" 迟 到 )

Makna denotasi: berlari sama halaju dengan siput babi.

Makna metafora: halaju kereta adalah sangat rendah.

Penerangan :

Watak utama dalam cerpen memandu dengan halaju yang rendah semasa berada di jalan raya.

- 10) Umpama cuka mengalir 仿 佛 有 一 段 酸 溜 溜 的 醋 流 过  
( Cerpen "Kehilangan" 流 失 )

Makna denotasi: Perasaan itu adalah seperti cuka.

Makna metafora: Merujuk kepada perasaan yang susah hati.

Penerangan:

Seorang guru dirugut lalu ditolak ke dalam longkang. Semasa dia berada dalam longkang, dia berusaha untuk membuka matanya tetapi tidak berjaya. Dia terkenang anak muridnya yang miskin. Dia berasa simpati terhadap anak muridnya. Apabila melihat muka anak muridnya perasaan itu adalah sangat sedih hati seperti cuka mengalir dalam hatinya.

- 11) Seumpama tingkap yang ditutup dengan pelekat lalu memancarkan lorong 像 是 玻 璃 窗 上 黏 了 一 层 玻 璃 纸 的 天 色  
( Cerpen "Kehilangan" 流 失 )

Makna denotasi: menerangkan lorong yang tidak cerah.

Makna metafora: menerangkan cuaca yang tidak baik, dan keadaan dalam lorongan tersebut adalah sangat gelap.

Penerangan:

Cikgu dalam cerpen tersebut melangkah ke dalam lorong yang gelap di mana cuaca pada masa itu tidak berapa baik.

12) Seperti mencurahkan air 像 泼 水 一 样

( Cerpen "Lambat" 迟 到 )

Makna denotasi: seperti tindakan menuangkan air

Makna metafora: menerangkan langit sudah berhujan dan hujan tersebut seperti tuangan air.

Penerangan:

Masa berlaku kes ragut sedang berhujan, titisan hujan seperti air mata.

13) Kesakitan yang dirasai seperti doktor gigi menggunakan penampal yang menusuk roh jiwa 像 是 用 牙 医 螺 旋 钻 直 挫 灵 魂 深 处 的 痛 楚

( Cerpen "Lambat" 迟 到 )

Makna denotasi: menerangkan keadaan doktor gigi menggunakan penampal

Makna metafora: menerangkan perasaan yang sangat sakit.

Penerangan:

Cikgu yang diragut berasa sangat sakit seperti doktor gigi menggunakan penampal terus masuk ke dalam roh jiwa membawa makna metafora di mana kesakitan yang tidak mampu ditanggung dan kesakitan tersebut mampu membunuh cikgu tersebut.

14) Seperti tepi pantai yang terhakis 像 被 侵 蚀 的 海 岸 线

( Cerpen "Lambat" 迟 到 )

Makna denotasi: rupa adalah seperti tepi pantai yang telah dihakis

Makna metafora:kehancuran dibawa kepada sesuatu akibat tindakan sama yang berterusan.

Penerangan:

Dalam cerpen ini, ayat ini digunakan untuk menerangkan hati baik seorang cikgu sama ada sifat baik tersebut akan dikenalkan atau akan terhakis ikut masa seperti tepi pantai yang dihakis.

15) Seperti zaman mudanya dahulu 如 当 年 他 年 轻 时 一 样

( Cerpen "Pak Long" 大 叔 公 )

Makna denotasi: serupa dengan masa zaman muda

Makna metafora:merujuk kepada kekuatan seseorang adalah seperti dahulu, dan orang tersebut sangat rindu masa muda dahulu.

Penerangan:

Pak Long dalam cerpen ini masih degil seperti masa muda lagi. Di sini penulis menerangkan bahawa Pak Long itu sangat rindu terhadap masa mudanya.

16) Seperti arang yang telah dibakar membara 像 煤 炭 被 烧 红 似

的

(Cerpen “Mencari Orang Gila “尋 找 瘋 子 )

Makna denotasi: merujuk kepada arang yang telah dibakar lama

Makna metafora:menerangkan bahawa seseorang itu sangat marah.

Penerangan :

Ayat ini dipetik daripada ayat “mata Tarban seperti arang yang dibakar hangat” . Di sini, penulis menerangkan bahawa Tarban itu berada dalam keadaan yang sangat marah.

17) Seperti gasing yang sedang berputar-putar 像 旋 转 的 陀 螺

( Cerpen “Kesan Cap” 刻 印 )

Makna denotasi: merujuk kepada keadaan gasing yang sedang berpusing

Makna metafora: bermakna seseorang itu berada dalam keadaan pening kepala

Penerangan:

“Otak seperti gasing yang sedang berputar” bermakna watak dalam cerpen ini berasa sangat pening kepala terhadap perkara remeh dalam kehidupan.

18) Seperti bola yang dikejar oleh kucing 像 一 粒 被 花 猫 追 逐 的 足 球

( Cerpen ”Kesan Cap” 刻 印 )

Makna denotasi: merujuk kepada keadaan seekor kucing sedang mengejar bola.

Makna metafora: merujuk kepada pemikiran yang bercelaru, hati yang tidak tenteram.

Penerangan :

Watak dalam cerpen ini berasa hati tidak selesa dan tidak tenteram.

19) Seperti sewaktu dia menunjukkan buku kemajuan yang perlu ditandatangani kepada ibunya pada suatu ketika dahulu 像 当 年 他 指 着 成 绩 单 上 的 家 长 签 名 处 给 母 亲 看  
( Cerpen “Kesan Cap” 刻 印 )

Makna denotasi: merujuk kepada penulis terkenang perkara silam di mana ibunya dipanggil menandatangani buku kemajuannya.

Makna metafora: penulis berasa masa berlalu dengan cepat dan perkara silam telah pergi jauh dari dia, dan ibunya sudah semakin tua.

Penerangan:

Watak berasa sangat menyesal kerana dia tidak mengambil berat tentang ibu yang semakin tua. Apabila menemani ibu pergi ke Jabatan pendaftaran untuk menukar kad pengenalan baru, pegawai menyuruh ibunya melatakan tangan ke alat biasan baru dia terkenanag dengan masa kecil dia juga pernah merujuk tempat pada buku kemajuan dan menyuruh ibu jatuhkan tandatangan di tempat tersebut.

20) Seperti dililit oleh rotan 像 被 蔓 藤 勒 住

( Cerpen “Kesan Cap ” 刻 印 )

Makna denotasi: merujuk keadaan yang diikat rotan

Makna metafora: merujuk kepada perasaan yang sedih dan terkilan

Penerangan:

Anak kepada ibu dalam cerpen ini terkejut terlihat cap jari kehilangan kesan jari, ini adalah disebabkan ibunya sejak dari dia kecil lagi cuci baju dengan tangan dan kesan jari telah dihancurkan kerana penggunaan sabun yang kerap. Hatinya seperti diikat oleh rotan, merujuk betapa sakit hati dia.

21) Seperti polis mendapatkan keterangan daripada tertuduh 像 警 官 对 罪 犯 严  
刑 逼 供

(Cerpen:sama akar 同 根 )

Makna denotasi: merujuk kepada keadaan polis bertanya kepada penuduh untuk mendapatkan keterangan.

Makna metafora: merujuk kepada keadaan seperti telah berbuat salah dan tidak dihormati.

Penerangan:

Merujuk kepada keadaan tersebut sangat serius dan watak tidak berasa dihormati.

22) dalam seperti sebuah perigi 深 得 像 一 口 井

( Cerpen “Ferris Wheel Yang Sedih”)

Makna denotasi: sesuatu adalah sangat mendalam seperti sebuah perigi.

Makna metafora: menerangkan mata seseorang mendalam seperti sebuah perigi merujuk kepada orang itu mempunyai banyak pengalaman yang pedih dalam kehidupan.

Penerangan:

Dalam cerpen ini, watak bapa itu diterangkan sebagai seorang yang mendiam dan daripada matanya anak dapat membaca pengalaman kehidupan bapanya yang tidak menggembirakan.

#### 4.5.2 “SYNECDOCHE” 借 代

Perkataan “synecdoche” berasal dari perkataan Yunani “synekdechesthai” yang bermakna menerima dan menggabungkan (**to receive jointly**). Proses pemindahan bagi objek yang disebutkan itu akan memindahkan elemen yang unik dari objek tersebut kepada objek yang lain. Contohnya: 10 tangan merujuk kepada 10 orang. (Hawkes:1972:3)

##### 1) Bijih benih 种 子

( Cerpen “Baby’s Breath” Yang Abadi 永 远 的 满 天 星 )

Makna denotasi: bijih benih merujuk kepada anak benih tumbuh-tumbuhan.

Contohnya anak benih dalam buah betik.

Makna metafora: bijih benih membawa makna metafora yang merujuk kepada “harapan”

Penerangan:

Bijih benih ialah anak benih bagi tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan boleh membiak melalui anak benih. Generasi yang baru itu boleh dipupuk demi menyemai bijih benih. Perkataan “bijih benih ” membawa makna “harapan”. Cerpen ini berkaitan seorang ibu yang mengandung menyemai bijih benih

“Baby’s Breath”, tindakan ini menunjukkan bahawa anak dalam kandungan itu adalah harapan bagi ibu tersebut, dan beliau menyemai bijih benih dan menunggu bijih benih itu bertumbuh seperti beliau menunggu kedatangan anaknya.

## 2) Dia 他

( Cerpen “Kemalangan” 意外 )

Makna denotasi: merujuk kepada pihak ketiga.

Makna metafora: merujuk kepada golongan masyarakat yang tamak serta tidak menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukannya.

Penerangan:

Cerpen ini menerangkan seorang lelaki yang terjumpa satu kes kemalangan jalan raya. “Dia” tidak diberikan nama dalam cerpen ini. Sepanjang cerpen ini, panggilan watak utama hanya “dia” sahaja. Penulis mengkritik golongan masyarakat yang tamak dan tidak rela membantu orang lain seperti “dia” dalam cerpen ini. Pihak yang terlibat dalam kes kemalangan ialah kereta yang menghantar wang serta sebuah lori besar. Wang kertas berterbangan dan ramai orang turun dari motosikal serta kereta untuk mengutip wang kertas. “Dia” juga berbuat demikian. Tiba-tiba “dia” terdengar ada orang meminta tolong, rupanya mangsa belum mati lagi, tetapi dia tidak menelefon kepada 999 kerana “dia” anggap mesti ada orang lain akan membuat panggilan kepada polis. Hari keesokan “dia” membaca surat khabar dan didapati mangsa dalam kemalangan itu meninggal dunia kerana tidak ada orang menghulurkan bantuan dan orang

ramai hanya mengutip wang kertas sahaja. "Dia" berasa menyesal dan rela tidak pernah mengutip wang kertas tersebut. Penulis menggunakan "dia" dan tidak berikan nama kerana "dia" ini boleh ialah sesiapa pun jika kita bertindak seperti "dia", maka, kitalah merupakan "dia" juga. Makna metafora ini memberi kritikan yang tajam.

3) Warna ungu warna biru warna merah warna hijau 蓝 色 紫 色 红 色 青 色

( Cerpen "Kemalangan" 意 外 )

Makna denotasi: merujuk kepada warna ungu, biru, merah dan hijau.

Makna metafora: merujuk keapda wang kertas RM100,RM50, RM 10 dan RM 5.

Penerangan:

Penulis cerpen ini menggunakan warna untuk mewakili wang kertas yang bernilai berlainan.

4) Batu yang besar 大 石 头

( Cerpen "Lif" 电 梯 )

Makna denotasi: merujuk kepada batu yang bersize besar.

Makna metafora: merujuk kepada halangan besar

Penerangan:

Halangan besar dalam cerpen ini ialah kekurangan dalam penguasaan bahasa Cina yang telah menjadi syarat penting untuk mendapat sesuatu pekerjaan.

5) Bobby 波 比

( Cerpen "Warna Anjing" 狗 的 颜 色 )

Makna denotasi: kata nama khas

Makna metafora: merujuk kepada nama seekor anjing.

Penerangan:

Dalam cerpen ini, penulis tidak menyatakan Bobby itu seekor anjing, tetapi disebabkan penggunaan nama ini pada seekor anjing sudah menjadi biasa, apabila pembaca membaca ayat "akhirnya saya mengambil keputusan untuk melukis Bobby di rumah" secara automatik pembaca dapat tahu bahawa Bobby yang dikatakan itu ialah seekor anjing.

6) Suasana Tahun Baru Cina yang tidak berseri lagi 失 色 的 新 春

( Cerpen "Pak Long" 大 叔 公 )

Makna denotasi: tahun baru Cina yang tidak ada sebarang warna

Makna metafora: tahun baru Cina yang hilang maknanya

Penerangan:

Dalam cerpen ini, semua penduduk dilarang untuk menyimpan kain warna merah untuk mengelakkan penduduk membuat bendera komunis. Makna semua penduduk tidak menggunakan warna merah untuk menghiasi rumah walaupun pada masa Tahun baru Cina. Makna penggunaan merah dalam tahun baru Cina pada kali itu telah hilang dan tidak bermakna lagi menyambut tahun baru Cina bagi tahun tersebut.

#### 4.5.3 METONIMI 转 喻

Perkataan “metonimi” berasal dari perkataan Yunani “metonymia” yang terdapat daripada “meta” yang bermakna berubah dan “onoma” yang bermakna nama. Nama bagi objek yang ingin disebutkan akan digantikan dengan nama objek yang lain. Metonimi ini selalunya melibatkan “personifikasi”. Contohnya Mahkota mewakili Monarki (Hawkes, 1972:3).

##### 1) Yap Ah Loy 叶 亚 来

( Cerpen “Punca Kematian Yap Ah Loy” 叶 亚 来 之 死)

Makna denotasi: nama seorang kapitan yang terkenal dalam sejarah perkembangan Kuala Lumpur.

Makna metafora: mewakili jasa orang Cina terhadap perkembangan dalam Kuala Lumpur.

Penerangan:

Cerpen “Kematian Yap Ah Loy”, telah menerangkan Yap Ah Loy hidup semula dan pergi melawat Kuala Lumpur yang moden. Jalan Yap Ah Loy telah berubah kepada Lorong Yap Ah Loy. Yap Ah Loy berasa sangat kecewa kerana jasa beliau tidak dikenangi dan beliau berkata bahawa beliau akan “mati” dalam sejarah. Yap Ah Loy merupakan kapitan yang terkenal kerana telah berusaha mengembangkan Kuala Lumpur tetapi penulis buku sejarah satu tahun demi satu tahun mengurangkan penerangan terhadap beliau dalam buku sejarah dan cuba

melupakan jasa baik beliau. Tindakan ini telah menimbulkan kritikan yang hebat dari masyarakat orang Cina. Yap Ah Loy membawa makna metafora iaitu mewakili simbol bagi jasa orang Cina terhadap tanah Melayu dalam cerpen ini.

## 2) Menara Berkembar 双 塔 楼

(cerpen “Punca Kematian Yap Ah Loy” 叶 亚 来 之 死)

Makna denotasi: merujuk kepada Tower Berkembar Kuala Lumpur

Makna metafora: merujuk kepada zaman moden pada kini.

Penerangan:

Cerpen “Kematian Yap Ah Loy” menerangkan Yap Ah Loy sampai ke Kuala Lumpur yang moden pada hari ini. Semasa beliau tiba di Kuala Lumpur, beliau meninjau kepada Tower Berkembar Kuala Lumpur. Yap Ah Loy merupakan orang zaman dulu dan Tower Berkembar merupakan bangunan moden zaman ini. Kontra antara orang zaman dulu dengan bangunan moden zaman ini telah digambarkan melalui penggunaan teknik metafora dalam penulisan cerpen ini.

## 3) Gunung Janda China 中 国 寡 妇 山

(Cerpen “Baby’s Breath Yang Abadi” 永 远 的 满 天 星)

Makna denotasi: merujuk kepada sebuah gunung yang terdapat di China

Makna metafora: merujuk kepada nasib seseorang wanita yang ditinggalkan oleh suaminya.

Penerangan:

Gunung Janda China menceritakan sebuah lagenda yang berkaitan dengan seorang gadis kahwin dengan seorang lelaki dan pasangan suami-isteri ini terpaksa berpisah kerana suami itu hendak pergi berlayar, tinggal isteri yang mengandung di kampung. Isteri itu setiap hari memanjat ke sebuah gunung dan meninjau ke laut sambil menunggu kepulangan suaminya. Akhirnya, suatu hati, isteri itu tidak lagi turun dari gunung tersebut. Orang kampung itu memanjat ke gunung mencari dia, mereka tidak berjaya dan hanya berjumpa dengan sebuah batu besar yang berdiri di atas gunung dan rupa bentuk batu itu seperti seorang gadis yang sedang mengandung.

#### 4) Bahasa yang berbunga-bunga 花语

(Cerpen “Baby’s Breath Yang Abadi” 永远的满天星)

Makna denotasi: merujuk kepada bahasa yang dikeluarkan oleh bunga

Makna metafora: merujuk kepada bahasa yang dikeluarkan oleh ibu disebabkan terlalu rindu terhadap suaminya.

Penerangan:

Watak ibu dalam cerpen ini merupakan seorang yang sedang mengandung dan sangat rindu terhadap suami yang tidak balik-balik lagi. Ibu tersebut selalunya membaca buku yang berkaitan dengan penanaman bunga. Beliau banyak menanam bungan ““Baby’s Breath””. Apabila beliau berasa sangat rindu terhadap suaminya, beliau akan menulis pepatah perkataan dalam buku tersebut. Bahasa bunga di sini merujuk kepada tulisan ibu yang penuh dengan perasaan rindu terhadap suaminya.

5) 999

( Cerpen “Kemalangan” 意 外 )

Makna denotasi: merujuk kepada nombor 999

Makna metafora: merujuk kepada pihak polis atau mendapatkan pertolongan.

Penerangan:

999 merupakan kumpulan nombor yang popular di negara kita. Jika berlaku kemalangan, 999 akan dipanggil untuk mendapatkan pertolongan daripada pihak polis, bomba dan sebagainya. 999 telah diberikan makna metafora merujuk kepada pihak polis atau cara yang boleh mendapat pertolongan.

6) Mangkuk nasi besi 铁 饭 碗

( Cerpen “Lif” 电 梯 )

Makna denotasi: merujuk kepada mangkuk nasi yang dibuat daripada besi.

Makna metafora: merujuk kepada pekerjaan di bidang kerajaan, kerana bekerja sebagai pegawai kerajaan tidak akan dipecat.

Penerangan :

Watak utama dalam cerpen ini tidak dapat pekerjaan dari pihak swasta kerana dia tidak berupaya bertutur bahasa Cina. Kawan dia menasihati supaya dia pergi memohon menjadi pegawai kerajaan. Dia berasa bekerja untuk kerajaan gaji murah dan jawatan tinggi tidak dapat disanjung oleh orang bukan bangsa Melayu.

## 7) Warna anjing 狗 的 颜 色

( Cerpen "Warna Anjing"狗 的 颜 色 )

Makna denotasi: merujuk kepada warna pada badan anjing.

Makna metafora: merujuk kepada stereotaip terhadap sesuatu perkara.

Penerangan:

Anjing itu hanya boleh diwarnai hitam, coklat dan putih. Jika seorang kanak-kanak mewarnai anjing itu kepada 7 warna yang berlainan maka dia akan dianggap sebagai seorang yang tidak mahir untuk memilih warna. Cerpen ini menceritakan dalam pendidikan kanak-kanak selalu dipaksa oleh ibu bapa mereka melakukan apa yang dikehendaki oleh ibu bapa tanpa menimbangkan perasaan kanak-kanak itu sendiri.

## 8) "Spiderman" 蜘 蛛 俠

( Cerpen "Warna Anjing"狗 的 颜 色 )

Makna denotasi: merujuk kepada watak dalam kartun.

Makna metafora: merujuk kepada orang yang luar biasa atau berlainan dengan orang biasa.

Penerangan:

Ibu bapa memuji wayang spiderman sangat bagus, mereka boleh terima orang yang berwibawa dan mempunyai kuasa luar biasa tetapi tidak boleh terima lukisan di mana anjing itu bukan warna hitam, putih atau coklat tetapi berwarna-warni.

9) “Superman” 超 人

( Cerpen “Warna Anjing” 狗 的 颜 色 )

Makna denotasi: merujuk kepada salah satu watak dalam kartun.

Makna metafora: merujuk kepada manusia yang mempunyai kebolehan yang luar biasa.

Penerangan:

Ibu bapa dalam cerpen ini hanya terima gaya imaginasi yang terpapar di dalam wayang. Mereka boleh menikmati imaginasi yang diperolehi dalam wayang tetapi tidak membenarkan anak mereka mengembangkan daya kreativiti dalam kehidupan sebenar. Teknik penulisan ini sangat “ironi”.

10) Harimau kertas 纸 老 虎

( Cerpen “Pak Long” 大 叔 公 )

Penerangan:

Dipetik daripada ayat “Komunis ialah harimau kertas”. Makna denotasinya ialah harimau yang diperbuat daripada kertas, makna metafora ialah tidak mempunyai kuasa sebenar. Ayat disini mengejek bahawa komunis itu tidak mampu melakukan apa-apa.

11) Sokongan semanga t 精 神 支 柱

( Cerpen “Kelembutan Count Down” 倒 数 的 温 柔 )

Makna denotasi: tidak dapat ditakrifkan bagi makna denotasi.

Makna metafora: merupakan satu pergantungan bagi seseorang

Penerangan:

Dalam cerpen ini menerangkan seorang ibu yang saling bergantungan dengan anak perempuannya. Apabila anak perempuannya telah dewasa, dia selalu menonton televisyen, televisyen telah menjadi alat pergantungannya dalam kehidupan, penulis menggunakan “tiang semangat” untuk menakrifkan keadaan ini.

## 12) Golongan strawberi 草莓族

( Cerpen :Kelembutan “Count Down” 倒数的温柔 )

Makna denotasi: merujuk kepada kumpulan strawberi

Makna metafora: merujuk kepada pemuda-pemudi yang dilahirkan selepas 1980-an, kerana golongan pemuda-pemudi ini dianggap adalah golongan yang senang “rosak” seperti strawberi dan tidak hendak berusaha atau bersusah payah untuk mendapat kejayaan dan hanya mementingkan materialistik.

Penerangan :

Golongan strawberi ialah satu perkataan baru yang dihasilkan dari Taiwan untuk menerangkan golongan pemuda-pemudi yang hanya mementingkan keseronokan dalam kehidupan dan tidak berupaya berusaha untuk mendapat kejayaan.

## **4.6 METAFORA DALAM BENTUK TAJUK, AYAT DAN TEMA**

Dalam penyelidikan ini, didapati terdapat metafora yang wujud pada tahap tajuk, ayat dan juga temanya. Penyelidik telah membahagikan metafora kepada 3 kategori iaitu metafora yang wujud dalam bentuk tajuk, metafora yang wujud dalam bentuk ayat dan juga metafora yang wujud dalam bentuk tema.

### **4.6.1 METAFORA DALAM BENTUK TAJUK**

1) Kematian Yap Ah Loy 叶 亚 来 之 死

( Cerpen “Kematian Yap Ah Loy” 叶 亚 来 之 死)

Penerangan:

Tajuk ini membawa makna metafora. Kematian yang dirujuk di sini bukan kematian orang yang dinamakan Yap Ah Loy tetapi ialah jasa baik Yap Ah Loy telah dilupai pada hari ini. Perkataan Yap Ah Loy membawa makna metafora di mana ia merujuk kepada sumbangan masyarakat Cina dalam mengembangkan Tanah Melayu. Kematian merujuk kepada kehilangan kenangan dalam catatan tentang sumbangan yang diberikan.

2) “Baby’s Breath” Yang Abadi 永 远 的 满 天 星

( Cerpen:“Baby’s Breath Yang Abadi” 永 远 的 满 天 星 )

Penerangan:

“Baby’s Breath” merupakan nama bagi sejenis tumbuhan yang mempunyai bunga warna putih yang kecil. “Baby’s Breath” di sini merujuk kepada cinta seorang ibu terhadap anaknya. Tumbuhan tidak akan menjadi “abadi”, kata sifat “abadi” merujuk kepada cinta ibu terhadap anak yang tidak akan berubah.

### 3) Warna anjing 狗 的 颜 色

( Cerpen ”Warna Anjing” 狗 的 颜 色 )

Penerangan:

Tajuk cerpen ini pada permukaan merujuk kepada warna pada anjing tetapi makna metafora ialah merujuk kepada stereotaip yang ada pada ibu bapa. Ibu bapa mendapati bahawa anak mereka melukis seekor anjing yang berwarna-warni maka mereka cuba menahan anak mereka berbuat demikian.

### 4) Musim luruh yang berada dalam musim bunga 春 天 里 的 秋 天

( Cerpen ”Musim luruh yang berada dalam musim bunga” 春 天 里 的 秋 天 )

Penerangan:

Musim luruh merujuk kepada konflik yang dihadapi dalam kehidupan. Musim bunga merujuk kepada keluaraga yang bahagia. Dalam keluarga yang bahagia mempunyai konflik yang tertentu. Tidak ada apa yang sempurna. Walaupun menghadapi konflik asalkan ahli keluarga pikul bersama maka kehidupan bahagia masih boleh diteruskan.

### 5) “Ferris Wheel” Yang Sedih 悲 伤 的 摩 天 轮

( Cerpen “Ferris Wheel Yang Sedih ” 悲 伤 的 摩 天 轮 )

Penerangan:

Ferris Wheel mewakil impian kanak-kanak, impian sebenarnya sesuatu yang manis tetapi dalam cerpen ini impian kanak-kanak itu adalah pahit rasanya. Pada zaman kecil lagi, ayah kepada budak dalam cerpen menanya sama ada dia hendak main Ferris Wheel atau main kuda berpusing. Selepas dia memilih Ferris Wheel, ayah dia telah bercerai dengan ibunya dan sejak itu dia tidak pernah lagi bermain Ferris Wheel. Ini meninggalkan kenangan yang pedih kepada budak tersebut.

#### **4.6.2 METAFORA DALAM BENTUK AYAT**

1) Bagaimana sejarah akan menilainya 历 史 会 如 何 评 价 他

( Cerpen "Kematian Yap Ah Loy" 叶 亚 来 之 死 )

Penerangan:

Perkataan “menilai” merupakan kata kerja. Selalunya manusia atau benda hidup yang boleh melakukan sesuatu “kerja”. Dalam ayat ini, penulis menggunakan “sejarah” yang akan “menilai” “dia”. “Sejarah” di sini membawa makna metafora di mana ia merujuk kepada golongan yang cuba mengubah kenyataan sejarah semasa dalam proses penulisan buku teks sejarah. Perkataan “dia” merujuk kepada Yap Ah Loy dan makna metafora yang dibawa ialah jasa dan sumbangan orang Cina terhadap perkembangan negara ini.

1) Aku akan mati terkubur dalam sejarah 我 会 死 在 历 史 里

( Cerpen “Kematian Yap Ah Loy” 叶 亚 来 之 死 )

Penerangan:

Seseorang itu boleh “mati” dalam satu kemalangan, dalam sasauatu kejadian, tetapi penulis cerpen ini berkata “Saya akan mati dalam sejarah.” Saya ”di sini merujuk kepada Yap Ah Loy, Yap Ah Loy mati dalam sejarah, ayat ini membawa makna metafora yang mempunyai maksud jasa dan sumbangaan Yap Ah Loy tidak lagi tercatat dalam sejarah negara ini. Maka tidak akan diketahui oleh generasi yang baru tentang jasa dan sumbangaan beliau, maka beliau akan dilupai akhirnya beliau akan “mati” dalam “sejarah”, iaitu “hilang” dalam “catatan sejarah”.

2) Apabila bayangan orang semakin menghilang dalam pandangan 当 人 们

的 影 子 越 来 越 细 长 时

( Cerpen:“Baby’s Breath Yang Abadi” 永 远 的 满 天 星 )

Penerangan:

“Bayangan orang semakin kurus dan panjang” merujuk kepada keadaan yang semakin gelap. Apabila matahari telah terbenam, bayangan orang di bawah cahaya matahari akan menjadi semakin kurus dan panjang. Penulis menggunakan ayat yang mempunyai sifat “figuratif” untuk menyampaikan makna metafora bagi teks ini.

3) “Baby’s Breath” sebenarnya berada dalam hati ibu 满天星 其实一直在母亲心里

( Cerpen: “Baby’s Breath” Yang Abadi” 永远的满天星 )

Penerangan:

Bunga “Baby’s Breath” tidak akan berada dalam hati seseorang. Ayat ini membawa makna metafora di mana merujuk kepada percintaan ibu terhadap anaknya adalah kekal lama dan sentiasa wujud bagi seorang ibu.

4) Menyentuh maruah diri yang berharga yang dikunci di dalam hatinya 甚至摸到了他锁在心房里宝贵的尊严

( Cerpen “Lif” 电梯 )

Penerangan:

Maruah diri seseorang tidak dapat “dikunci” dalam hati. Penulis menggunakan metafora “kunci” untuk menerangkan sikap ego yang terpendam dalam hati watak utama.

5) Walaupun mangkuk itu diperbuat daripada besi tetapi isipadunya tidak besar, tidak boleh mengisi nasi seberapa 碗 虽是铁铸的却低而浅，盛不了多少饭呀

( Cerpen “Lif” 电梯 )

Penerangan:

Mangkuk yang diperbuat daripada besi merujuk kepada pekerjaan kerajaan. Isipadu tidak besar bermakna gaji yang beri itu murah, tidak boleh mengisi nasi seberapa bermakna wang diperolehi itu tidak cukup untuk menampung kehidupan.

- 6) Mangkuk nasi yang besar dan berisipadu luas adalah terhad, tidak sampai giliran dia ambil 而 那 些 高 深 的 大 饭 碗 却 有 限, 也 轮 不 到 他 来 端

( Cerpen “Lif” 电 梯 )

Penerangan:

Mangkuk nasi yang besar merujuk kepada jawatan yang tinggi. Jawatan yang tinggi dalam pihak kerajaan adalah terhad dan tidak ada peluang untuk watak dalam cerpen memegang jawatan tersebut. Penulis menggunakan “mangkuk nasi yang besar” merujuk kepada jawatan yang tinggi, “tidak sampai giliran dia ambil” merujuk kepada tidak ada peluang bagi dia menanjung jawatan tersebut.

- 7) Gunakanlah warna yang kamu suka untuk melukis 用 你 喜 欢 的 颜 色 来 上 色

( Cerpen ”Warna Anjing” 狗 的 颜 色 )

Penerangan:

Makna permukaannya ialah menggalakkan penggunaan warna yang disukai untuk melukis, makna metafora ialah menggalakkan seseorang mengembangkan bidang yang disukai.

8) Air mata yang berwarna biru 蓝 色 的 泪 水 里

( Cerpen “Warna Anjing” 狗 的 颜 色 )

Penerangan:

Biru mewakili perasaan yang sedih. Manusia mengalirkan air mata dalam 2 jenis keadaan, terlalu gembira dan terlalu sedih. Air mata yang berwarna biru membawa makna metafora di mana merujuk kepada menangis kerana terlalu sedih.

9) Langit tiba-tiba membalikkan muka 天 突 然 回 过 脸 来

( Cerpen “Kehilangan” 流 失 )

Penerangan:

Teknik “personifikasi” telah digunakan dalam ayat ini. Langit membalikkan muka membawa makna metafora di mana cuaca tiba-tiba berubah dari hujan renyai-renyai kepada hujan lebat.

#### **4.6.3 METAFORA DALAM BENTUK TEMA**

1) Cerpen “Baby’s Breath Yang Abadi” 永 远 的 满 天 星

Penerangan:

Tema cerpen ini menerangkan sebuah berita yang berkaitan dengan tanah runtuh. Kes tanah runtuh ini berlaku di Sabah dan mangsa kes ini ialah seorang wanita yang sedang hamil. Seluruh cerpen ini tidak menyatakan

percintaan ibu terhadap anaknya tetapi hanya menceritakan betapa suka hati ibunya menanam bunga “Baby’s Breath” untuk anak yang belum dilahirkan. Ibu selalu bertutur dengan kandungannya tetapi anak itu tidak berupaya menjawab kerana anak tersebut belum dilahirkan lagi. Seluruh cerpen ini menceritakan baby breath dan ibu tetapi tidak menyatakan percintaan ibu terhadap anak. Melalui metafora, tema yang ingin disampaikan sebenarnya ialah percintaan ibu terhadap anak dan bukan menceritakan “Baby’s Breath”. Cerpen ini sangat mengharukan.

## 2) Cerpen “Warna Anjing” 狗 的 颜 色

Penerangan:

Cerpen ini menceritakan seorang budak yang suka akan melukis. Dia melukis anjing yang berwarna-warni, kucing yang mempunyai sayap. Apabila ibu bapa mengetahui bahawa budak ini mempunyai bakat dalam pelukisan maka mereka hantar dia ke satu pusat melukis belajar lukisan. Cikgu selalu memuji dia kerana dia gunakan warna yang dia suka untuk melukis tetapi ibunya tidak suka akan cikgu tersebut.

Akhirnya, ibu menghantar dia ke pusat melukis yang berlainan, di situ, cikgu tidak membenarkan budak itu mewarnakan langit warna merah, melukis anjing berwarna-warni, daya kreativiti budak itu dihancurkan. Sebelum budak meninggalkan pusat melukis yang pertama dia melukis satu lukisan hadiah kepada cikgu dia. Akhirnya lukisan yang penuh dengan daya imaginasi itu mendapat anugerah antarabangsa. Seluruh cerita tidak berkaitan dengan

pendidikan; hanya fokus kepada budak yang suka akan melukis tetapi ibu bapa yang telah menghancurkan potensinya dengan mengehadkan anaknya melukis ikut stereotaip yang ada pada mereka. Tema cerpen ini adalah metafora pada permukaan penulis menceritakan pengalaman seorang budak belajar melukis tetapi pada hakikatnya menerangkan ibu bapa yang tidak menggunakan cara yang betul dalam pendidikan akan memusnahkan anak yang berpotensi.

### 3) Cerpen “Kehilangan” 流失

Penerangan:

Kehilangan merujuk kepada kehilangan seorang cikgu yang baik selepas cikgu tersebut mati kerana diragut. Kehilangan juga merujuk kepada kehilangan keselamatan yang perlu dikekalkan dalam masyarakat.

## 4.7 KESAN YANG DIJANA OLEH METAFORA

Terdapat 3 jenis kesan yang boleh dijana oleh metafora dalam penyampaian tema cerpen iaitu menjana kesan kesedihan, membentuk kesan keejekan, dan mereka kesan kejenakaan.

Menurut Wu (1986:34-35) fungsi metafora ialah menjana kesan humour dan mengejek seseorang melalui metafora. Untuk menjana kesan humour, penulis

selalu menggunakan ton yang lebih mudah dan tidak serius. Manakala untuk menjana kesan keejekan, penulis selalu menggunakan ton yang lebih serius.

Kesan yang dapat disampaikan oleh 23 cerpen yang dikaji telah dibahagikan kepada 3 kumpulan.

### 1. Menjana kesan kesedihan:

Kesan kesedihan bermakna menjana kesan yang menyakitkan hati, menyeru dan menyedihkan. Terdapat 10 cerpen yang menjana kesan ini seperti di bawah:

- i. 永远的满天星 “Baby's Breath” Yang Abadi
- ii. 流失 Kehilangan
- iii. 倒数的温柔 Kelembutan “Count Down”
- iv. 刻印 Kesan cap
- v. 母亲的梦 Mimpi ibu
- vi. 寻觅 Pencarian
- vii. 转角 Selekok
- viii. 春天里的秋天 Musim lurah yang berada dalam musim bunga
- ix. 悲伤的摩天轮 Ferris Wheel yang sedih
- x. 最后一程 Perjalanan yang terakhir

## 2. Membentuk kesan keejekan

Kesan keejekan bermakna menjana kesan kritik dan ejek terhadap sesuatu pihak atau satu fenomena. Terdapat 7 cerpen yang menjana kesan keejekan iaitu:

- i. 叶 亚 来 之 死 Kematian Yap Ah Loy
- ii. 意 外 Kemalangan
- iii. 迟 到 Lambat
- iv. 同 根 Sama akar
- v. 生 肖 Zodiak
- vi. 断 手 Patah tangan
- vii. 上 课 Pergi kuliah

## 3. Mereka kesan kejenakaan


Kesan kejenakaan bermakna menjana kesan yang melucukan, mempunyai elemen humour serta jenaka. Terdapat 4 cerpen yang menjana kesan kejenakaan iaitu:

- i. 狗 的 颜 色 Warna Anjing
- ii. 大 叔 公 Pak Long
- iii. 寻 找 疯 子 Mencari orang gila
- iv. 停 播 Henti siaran

#### 4. Menjana kesan neutral

Kesan neutral bermakna tidak menjana sebarang kesan iaitu tidak cenderung kepada kesan keejekan, kesan kejenakaan dan kesan kesedihan. Kesa yang dijana oleh cerpen dalam kumpulan ini adalah biasa sahaja. Terdapat 2 cerpen telah dikategorikan dalam kumpulan ini, iaitu:

- i. 电梯 Lif
- ii. 神秘的身世之迷 Latar belakang yang misteri



**Carta Pie 4.1: Jumlah cerpen yang menjana kesan kesedihan, keejekan, kejenakaan dan neutral.**

Menurut carta pie di atas, metafora yang digunakan untuk menyampaikan tema lebih menjana kesan kesedihan. Dari 23 cerpen yang dikaji sebanyak 10 cerpen membawa ton yang sedih, iaitu lebih kurang 43.42 % daripada jumlah cerpen.

Mencipta kesen keejekan adalah sebanyak 7 buah cerpen. Metafora yang digunakan mempunyai fungsi mengejek. Peratusannya ialah lebih kurang 30% daripada jumlah cerpen.

Sebanyak 4 cerpen yang mereka kesan kejenakaan. Kesan kejenakaan ini bermakna mempunyai unsur humour dalam cerpen.

Akhirnya ialah memberi kesan neutral, iaitu sebanyak 2 cerpen yang tidak cenderung memberi kesan yang sedih, ejek atau jenaka. Neutral di sini bermakna kesan yang dijana tidak cenderung kepada kesan keejekan, kejenakaan dan kesedihan.

#### **4.8 KESIMPULAN**

Dalam kajian ini analisis dibuat ke atas 23 buah cerpen yang dipilih dari buku cerpen *Universiti Nanyang 2006* ( 2006 年南洋大学微型小说选) Analisis dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu 1) analisa terhadap tema dalam

cerpen 2) mengenalpasti jumlah metafora mengikut cerpen 3) menganalisa metafora yang terdapat dalam kelas kata nama dan kelas kata sifat 4) pembahagian metafora kepada 3 kumpulan 5) menganalisa metafora dalam bentuk tajuk, ayat dan tema dan 6) menganalisa kesan yang dijana oleh metafora.

Adalah sangat penting bagi penyelidik mengenalpasti tema dalam cerpen yang dikaji kerana tema yang ingin disampaikan oleh cerpenis melalui sebuah cerpen akan mempengaruhi cara persembahan yang digunakan oleh cerpenis tersebut. Tema-tema yang terdapat dalam 23 buah cerpen yang dikaji adalah seperti masalah sosial iaitu kes ragut, kesusahan dalam kehidupan, pemujian terhadap kemuliaan ibu, kritikan yang dilakukan terhadap politik, masyarakat dan kerajaan, dan sebagainya. Apabila menyentuh dengan kes ragut dan mengkritik terhadap kerajaan, cerpenis cenderung menggunakan cara persembahan yang boleh membawa kesan keejekan dan kejenakaan, manakala apabila cerpen itu bertema memuji kemuliaan ibu bapa maka teknik yang mengharukan orang akan digunakan.

Selain itu, jumlah metafora yang ingin dianalisa juga dikenalpastikan. Penyelidik telah merujuk kepada teori yang dikemukakan oleh Hawkes (1972:2) untuk mengesan dan mengenalpasti metafora-metafora yang terdapat di dalam cerpen-cerpen yang dikaji.

Penyelidik juga menganalisa metafora yang terdapat dalam kelas kata nama dan kelas kata sifat. Didapati sebanyak 59 metafora dari kelas kata nama, 24 metafora dari kelas kata sifat dan 16 metafora dari kelas kata lain. Ini telah menunjukkan kekerapan penggunaan metafora dari kelas kata nama adalah paling tinggi dan boleh disimpulkan bahawa kelas kata nama adalah kelas kata yang paling senang digunakan untuk membentuk metafora. Seterusnya diikuti oleh kelas kata sifat dan kelas kata lain dalam 23 buah cerpen bahasa Mandarin yang dikaji oleh penyelidik.

Seterusnya, penyelidik juga membahagikan metafora kepada 3 kumpulan untuk menjalankan kerja analisa. Ketiga-tiga kumpulan yang dikatakan itu adalah 1) pengumpamaan 2) “synecdoche” dan 3) metonimi. Didapati metafora yang dikatogorikan dalam kumpulan pengumpamaan adalah sebanyak 22 dan metafora dalam kumpulan “synecdoche” adalah sebanyak 6 dan 12 dalam kumpulan metonimi. Ketiga-tiga jenis metafora ini adalah kerap digunakan oleh cerpenis dalam penulisan cerpen bahasa Mandarin.

Kerja analisa terhadap metafora dalam bentuk tajuk, ayat dan tema telah dijalankan. Terdapat sebanyak 5 metafora dalam bentuk tajuk, 10 dalam bentuk ayat dan 3 dalam bentuk tema.

Kesan yang dijana oleh metafora terbahagi kepada kesan kesedihan, kesan keejekan, kesan kejenekaan dan juga kesan neutral. Didapati kebanyak cerpen membentuk kesan kesedihan melalui penggunaan metafora.

Akhir kata, metafora memainkan peranan yang penting untuk menyampaikan tema dan mesej dari cerpenis kepada pembaca. Adalah lebih efektif dan efisien untuk mempersembahkan cerpen dengan lebih sempurna, melalui penggunaan metafora.